



**YANG BERUSAHA TUAN IR HAJI OMAR BIN MAT PIAH  
KETUA PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN MALAYSIA**

**UCAPAN PERASMIAN  
KONVENTSYEN SOHELP KEBANGSAAN TAHUN 2018 &  
PELANCARAN SOHELP FASA III**

Tarikh : 16 JULAI 2018 (ISNIN)  
Masa : 11.15 PAGI  
Tempat : NIOSH, BANGI  
Anjuran : JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
MALAYSIA

**Dengan kerjasama:**

Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
(MNKKP/NCOSH) dan  
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO/SOCSCO)

Assalamualaikum w.b.k.t dan Salam Sejahtera.

(Mohon Rujuk Senarai Protokol)

### **Ucapan syukur dan tahniah**

1. Terlebih dahulu, **bersyukur** kita ke hadrat Illahi dengan limpahan rahmatNya, saya dapat hadir bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis Konvensyen SOHELP Kebangsaan 2018 dan Pelancaran SOHELP Fasa III. Konvensyen SOHELP kali ini merupakan yang kedua diadakan oleh Jabatan.
2. Ucapan syabas dan tahniah saya kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah menunjukkan komitmen dalam menjayakan program SOHELP ini. Begitu juga jutaan **syabas dan tahniah** kepada Jawatankuasa Pengajur di atas usaha gigih mereka dalam membuat persediaan rapi bagi memastikan konvensyen pada hari ini dapat diadakan. Pada hari ini terdapat lebih kurang 290 peserta dan para jemputan yang hadir pada konvensyen ini sehingga esok. Tahniah diucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

### **Peranan JKKP dan Tujuan OSHMP**

3. Seperti yang sedia maklum, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merupakan agensi Kerajaan Malaysia yang dipertanggungjawabkan bagi **mentadbir, mengurus dan menguatkuasakan perundangan** yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Namun begitu, tugas mentadbir, mengurus dan menguatkuasakan perundangan, ke

atas lebih 14 juta penduduk yang bekerja, **bukan satu tugas yang mudah tanpa ada kerjasama** daripada pihak yang berkepentingan iaitu kerajaan, majikan dan pekerja. Tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini, turut sama memainkan peranan masing-masing sebagai majikan, pekerja, wakil persatuan dan juga Orang Kompeten yang berdaftar dengan Jabatan dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja serta orang-orang yang terlibat dengan kerja-kerja yang dijalankan berada pada tahap yang optimum.

4. Selaras dengan tanggungjawab tersebut, Jabatan telah merangka strategi yang dikenali sebagai Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSHMP 2020) yang telah dilancarkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 Mei 2016. **OSHMP 2020** ini merupakan **agenda negara yang akan dapat menyumbangkan pada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan**. Ini sekali gus membantu usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya kalangan pekerja. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Jabatan mensasarkan kadar kematian diturunkan kepada 4.36/100,000 pekerja, pengurangan kadar kemalangan kepada 2.53/1,000 pekerja, serta peningkatan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30% menjelang tahun 2020.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Hubungkait OSHMP dan SOHELP**

5. OSHMP 2020 telah menggariskan lima (5) Strategi bagi mencapai **visi membudayakan kerja selamat dan sihat** untuk kesejahteraan majikan,

pekerja dan negara. Dalam membudayakan kerja selamat dan sihat, faktor kesihatan pekerja perlu dititikberatkan terlebih dahulu. Mana mungkin pekerja yang tidak sihat dapat menjalankan kerja-kerja dengan selamat. Justeru, melalui Strategi 4 : Pengarusperdanaan Higien Industri, telah mengambil tindakan selangkah ke hadapan dalam mencegah dan menangani perkara yang berkaitan dengan penyakit dan keracunan pekerjaan di tempat kerja secara lebih holistik .

6. Antara program di bawah strategi 4 adalah merupakan pelaksanaan **SOHELP** (*Systemic Occupational Health Enhancement Level Programme*) di tempat kerja. Tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada konvensyen ini merupakan 272 syarikat daripada 1.19 juta syarikat berdaftar di Malaysia yang memberikan komitmen serta kerjasama dalam melaksanakan program SOHELP Fasa II. Saya difahamkan bahawa Konvensyen ini merupakan platform perkongsian maklumat dan 'success story' berkaitan program SOHELP yang telah dijalankan di syarikat tuan-tuan dan puan-puan. Konvensyen kali ini juga dihadiri oleh syarikat atau tempat kerja yang akan dan telah menyertai SOHELP Fasa III yang telah bermula pada Jun 2018 sehingga Jun 2019. Sejajar dengan itu, perkongsian yang disampaikan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini juga **menjadi penanda aras bagi pelaksanaan SOHELP secara holistik** seluruh negara dan panduan kepada peserta SOHELP Fasa III.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Punca kewujudan program SOHELP**

7. Pelaporan penyakit pekerjaan pada tahun 2017 yang diterima oleh Jabatan adalah sebanyak 6020 kes dan daripada jumlah tersebut, 3890 kes adalah disahkan sebagai kes penyakit pekerjaan. Berdasarkan pelaporan tersebut, Jabatan telah membuat klasifikasi mengikut jenis-jenis penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan iaitu sebanyak 3635 kes (60.3%) adalah *Occupational Noise related Hearing Disorder* ataupun Kehilangan Pendengaran disebabkan Kebisingan Pekerjaan, 127 kes (2.1%) *Occupational Muscular-Skeletal Disorder* atau Masalah Tulang-Otot Pekerjaan dan 73 kes (1.2%) berkaitan dengan *Occupational Skin Diseases* atau Penyakit Kulit Pekerjaan. Justeru, program SOHELP memberikan penumpuan pada tiga (3) elemen utama iaitu pengawalan pendedahan bising, pengurusan bahan kimia dan egonomik yang merupakan penyumbang utama kepada statistik pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan di Malaysia.
8. Program SOHELP merupakan program yang sistematik untuk meningkatkan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja yang mempunyai ciri-ciri seperti **berimpak tinggi** tetapi **mudah dilaksanakan** dengan penggunaan **kos yang rendah** serta **boleh dilaksanakan di hampir semua jenis industri**, dan khusus kepada tempat kerja yang berisiko tinggi. Saya dimaklumkan pada konvesyen kali ini, tempat kerja yang telah mencapai tahap 5 (Cemerlang) dan terpilih antara yang terbaik bagi setiap elemen akan berkongsi 'Success Story' mereka. Diharapkan

perkongsian tersebut dapat memberikan inspirasi dan impak positif kepada semua tempat kerja khususnya peserta SOHELP Fasa III dalam mempertingkatkan pengurusan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Tahniah saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang terpilih. Kepada yang lain, teruskan usaha agar, menerusi program SOHELP ini, tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu rakan-rakan sekerja agar selamat dan sihat di tempat kerja. Selain daripada itu, dalam konvesyen kali ini, tuan-tuan dan puan-puan juga akan diberi pendedahan dengan perkongsian maklumat langkah-langkah bagaimana untuk melaksanakan program SOHELP ini di tempat kerja khususnya bagi peserta SOHELP Fasa III (How to start) dan langkah seterusnya (way forward) bagi melestarikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

### **Saranan dan Usaha bagi menjayakan SOHELP**

9. Berdasarkan pada penaziran yang dijalankan bagi program SOHELP Fasa II, keputusannya, rata-rata daripada syarikat tuan-tuan dan puan-puan telah pun menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan program SOHELP ini dapat berjalan dengan lancar. Ada syarikat yang telah mencapai tahap 5 dalam elemen tertentu, tapi ada juga yang masih di tahap 2. Terdapat juga tempat kerja yang tidak tahu bagaimana untuk bermula untuk menguruskan isu-isu berkaitan bahan kimia, ergonomik dan juga pendedahan bising. Ada juga majikan atau SHO yang sekadar bersetuju dengan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh Orang Kompeten (OYK/OYB) yang berdaftar dengan Jabatan, tanpa memahami tindakan yang perlu dilaksanakan. Maka, dengan adanya program SOHELP ini,

diharapkan dapat membantu syarikat tuan-tuan dan puan-puan untuk menguruskan kesihatan pekerjaan dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, sebaik-baiknya, **disarankan agar syarikat-syarikat tuan-tuan dan puan-puan dapat mencapai tahap 5 iaitu *Cemerlang* bagi ketiga-tiga elemen.**

10. Maklum balas yang diterima semasa penaziran tersebut juga menyatakan bahawa Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (*Safety Health Officer -SHO*) sangat menghargai program ini. Ini kerana penumpuan SHO selama ini lebih kepada isu keselamatan pekerjaan berbanding kesihatan pekerjaan. Justeru, dengan adanya program SOHELP ini, fokus mereka menjadi lebih meluas dan merangkumi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Maklum balas yang diterima juga menunjukkan bantuan dan khidmat nasihat daripada pegawai-pegawai JKKP juga turut memainkan peranan yang besar. Selain daripada khidmat nasihat dan penjelasan maklumat yang diberikan semasa lawatan di tempat kerja atau hadir ke pejabat JKKP Negeri, bantuan juga turut diberikan secara atas talian (online) dengan menggunakan aplikasi *Whatsapp*. Syabas dan tahniah saya ucapkan di atas komitmen dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan. Tidak lupa juga saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pengarah-pengarah Negeri terutama sekali pegawai-pegawai dari Seksyen Higien Industri dan Seksyen Kesihatan Pekerjaan kerana bersama-sama memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program SOHELP ini.
11. Pada masa hadapan, Jabatan bercadang untuk membuka program SOHELP ini kepada semua sektor tempat kerja dan tidak terhad kepada tempat kerja yang mempunyai SHO dan *OSH coordinator* melalui inisiatif

*“SOHELP for all”* dan *“DIY SOHELP”* yang akan diperkenalkan oleh Jabatan agar dapat memberikan manfaat kepada lebih ramai pekerja-pekerja di Malaysia

Hadirin yang dihormati sekalian.

12. Saya tidak berniat untuk berucap lebih panjang kerana dilihat tuan-tuan dan puan-puan bersemangat dan bersedia untuk perkongsian pengalaman *‘success story’* serta maklumat berkenaan *“How to start?”*, *“Way forward”* berkaitan SOHELP dan *“SOHELP for all”* .
13. Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Konvensyen SOHELP Kebangsaan 2018 dan melancarkan SOHELP Fasa III.

Sekian. Terima kasih.